



**PENYATA
JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI,
BADAN BERKANUN
DAN ANAK SYARIKAT (JP-ABAS)
MENGENAI LAPORAN LAWATAN-LAWATAN
JAWATANKUASA DAN PENDENGARAN TERTUTUP
BAGI TAHUN 2011**

PENGENALAN

- Pada 31 Julai 2009, Mesyuarat Bersama Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa di bawah Dewan Negeri Selangor telah bersetuju bahawa mana-mana jabatan di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) akan diserahkan kepada Jawatankuasanya untuk diteliti dan dibincangkan.
- Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) telah mengadakan Penyata Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP- ABAS) bagi membentangkan laporan mengenai lawatan yang dilakukan ke *Bernam River Airfield*, Kem Bina Semangat Dan Kem PLKN Di Ampang Pecah, Kuari Haram Di Bandar Baru Selayang serta Pendengaran Tertutup Tanah Milik Perbadanan kemajuan Pertanian Selangor (PKPS). Laporan penuh telah disediakan seperti di helaian seterusnya.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS
MEMBENTANGKAN LAPORAN BERHUBUNG:**

- **BERNAM RIVER AIRFIELD**
- **KEM BINA SEMANGAT DAN KEM PLKN DI AMPANG PECAH**
- **KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG**
- **PENDENGARAN TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

Penyata Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP- ABAS) membentangkan laporan mengenai lawatan yang dilakukan ke *Bernam River Airfield*, Kem Bina Semangat Dan Kem PLKN Di Ampang Pecah, Kuari Haram Di Bandar Baru Selayang serta Pendengaran Tertutup Tanah Milik Perbadanan kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP-ABAS) telah mengadakan mesyuarat pada 28 September 2011 dengan ketetapan-ketetapan berikut:**
 - i. Mengadakan lawatan ke tapak projek landasan kapal terbang kecil di *Bernam River Airfield*;
 - ii. Mengadakan lawatan ke Kem Bina Semangat dan Kem PLKN di Ampang Pecah;
 - iii. Mengadakan lawatan ke Pangsguri Taipan, Armada Putra, Pulau Indah;
 - iv. Mengadakan lawatan ke tapak kuari haram di Bandar Baru Selayang; dan
 - v. Mengadakan pendengaran tertutup berkenaan tanah-tanah milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) di seluruh negeri Selangor
- 1.2. Ketetapan-ketetapan di atas telah dijalankan seperti berikut:**
 - i. Lawatan ke *Bernam River Airfield* : 5 Oktober 2011
 - ii. Kem Bina Semangat dan Kem PLKN di Ampang Pecah : 5 Oktober 2011
 - iii. Pangsguri Taipan, Pulau Indah : 10 Oktober 2011
 - iv. Kuari Haram di Bandar Baru Selayang : 12 Oktober 2011
 - v. Pendengaran Tertutup PKPS : 17 Oktober 2011

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

- 1.3. Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP-ABAS) juga telah mengadakan mesyuarat pada 17 Oktober 2011 bagi merumuskan beberapa perkara berkaitan lawatan-lawatan dan pendengaran tertutup di atas untuk dimuatkan dalam penyata Jawatankuasa bagi dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.
- 1.4. Penyata ini merangkumi fakta, penemuan dan saranan Jawatankuasa terhadap :
 - i. *Bernam Airfield*;
 - ii. Kem Bina Semangat dan Kem PLKN di Ampang Pecah;
 - iii. Kuari Haram di Bandar Baru Selayang; dan
 - iv. Pendengaran tertutup Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).
- 1.5. Kes aduan melibatkan penduduk di Pangaspuri Taipan, Pulau Indah dianggap oleh Jawatankuasa telah diselesaikan semasa lawatan.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

2. ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA

2.1. PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP - ABAS) BERKENAAN BERNAM RIVER AIRFIELD

2.1.1 Pendahuluan

(1) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP-ABAS) telah mengadakan lawatan ke lokasi pada 5 Oktober 2011 dengan bantuan pasukan-pasukan daripada Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor, Yayasan Selangor dan Majlis Daerah Hulu Selangor.

(2) Ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir dalam lawatan tersebut adalah:

- | | |
|--|-----------|
| i) Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii) Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz
(ADN Kawasan Lembah Jaya) | Ahli |
| iii) Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| iv) Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay
(ADN Kawasan Bukit Melawati) | Ahli |

(3) Lawatan bermula dengan taklimat yang disampaikan oleh Tuan Pegawai Daerah Hulu Selangor di bilik mesyuarat Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor pada pukul 11:30 pagi. Seterusnya ahli-ahli Jawatankuasa dibawa ke lokasi dan membuat lawatan ke lokasi sehingga pukul 2:00 petang.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

2.1.2 Maklumat dari Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor

Fakta:

(1) Maklumat dari Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor yang diterima oleh Jawatankuasa pada 5 Oktober 2011 menyatakan butiran hakmilik tanah seperti berikut:

• Nama pemilik	:	Yayasan Selangor
• No hakmilik	:	HS(D) 45128
• No PT	:	2924
• Luas	:	I/k 88.09 hektar
• Kategori penggunaan tanah	:	Pertanian
• Syarat nyata	:	Tanaman dusun
• Pelanggaran syarat	:	Membina lapangan terbang

(2) Laporan tanah di atas tapak yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor adalah seperti berikut:

- Kawasan telah dibangunkan bagi tujuan lapangan terbang berkonsepkan ‘airpark’;
- Mula beroperasi sekitar tahun 2007 secara usaha sama di antara Yayasan Selangor dan Tetuan Aviation Development Corporation;
- Digunakan sebagai lapangan terbang ringan/kecil (*airpark*) persendirian;
- Terdapat bangunan sementara bagi meletak kapal terbang dan chalet-chalet kecil bagi kegunaan juruterbang;
- Tanah masih berstatus pertanian dan tiada permohonan tukar syarat oleh pihak Yayasan Selangor;
- Sebanyak RM7 juta telah dibelanjakan bagi membangunkan kawasan termasuk bayaran sagu hati kepada penduduk setempat dan juga peluang pekerjaan;

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

- Kawasan ini dikenali sebagai “*Bernam Airfield*” sebagai badan komersial dan Yayasan Selangor adalah ‘local authority’, dan
- Sebahagian lagi tanah telah ditanam dengan kelapa sawit.

(3) Menurut Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor tindakan yang telah diambil oleh PTD adalah:

- Notis Borang 7A telah dikeluarkan kepada pihak Yayasan Selangor pada 24 Mei 2011; dan
- Pihak Yayasan Selangor diminta memulihkan tanah tersebut kepada keadaan kategorinya iaitu pertanian dan syaratnya tanaman dusun.

2.1.3 Maklumat dari Yayasan Selangor

Fakta:

(1) Maklumat dari Yayasan Selangor yang diterima oleh Jawatankuasa pada 5 Oktober 2011 memberi latar belakang seperti berikut:

- Yayasan Selangor telah mendapat pemberimilikan tanah kerajaan melalui permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara, Mukim Hulu Selangor bagi tujuan pertanian bertarikh 21 Ogos 2002 dengan keluasan 225 ekar;
- Yayasan Selangor membuat permohonan tanah secara rasmi pada 25 April 2003 dengan keluasan tanah 225 ekar;
- Juruukur Geoteknik yang dilantik oleh Yayasan Selangor telah mengukur tanah tersebut dengan 217 ekar sahaja memandangkan terdapat rizab sungai yang banyak;
- Syarikat Aviation Development Corporation Sdn Bhd (ADC) telah mencadangkan pembangunan usaha sama *airpark* (217 ekar) pada 3 Februari 2005 dengan nilai *Gross Development Value* sebanyak RM217.5 juta;

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

- Keuntungan bersih yang dijangkakan daripada projek tersebut adalah RM64.2 juta;
- ADC telah menjanjikan pulangan kepada Yayasan Selangor sebanyak RM16 juta atau 25% daripada keuntungan yang dijangkakan;
- Pada 28 Jun 2005, Yayasan Selangor mengalu-alukan cadangan pembangunan berkenaan kepada ADC melalui sepucuk surat dan meminta kajian kesesuaian tanah dan kajian keberkesanan cadangan pembangunan dijalankan;
- Satu MoU telah ditandatangani antara Yayasan Selangor dan ADC pada 17 Februari 2006 bertempat di Hotel Concorde Shah Alam;
- Pada majlis MoU tersebut ADC telah membayar RM36,000 atau 2% daripada harga nilai tanah (RM1.8 juta);
- Yayasan Selangor telah menandatangani perjanjian usaha sama dengan ADC pada 15 Ogos 2007; dan
- ADC telah membayar RM144,000 semasa perjanjian usaha sama ditandatangani.

(2) Menurut Yayasan Selangor kronologi urusan tanah adalah seperti berikut:

- Pada 7 September 2006, ADC telah membayar RM300,000 melalui Yayasan Selangor dan Pejabat Daerah Hulu Selangor bagi tujuan bayaran kepada setinggan;
- Baki bayaran setinggan berjumlah RM27,053 dijelaskan pada 11 Oktober 2006 juga melalui Pejabat Daerah;
- Pejabat Daerah telah membayar keseluruhan RM327,053 kepada penerima pampasan setinggan pada Disember 2006;
- Yayasan Selangor telah menjelaskan bayaran premium dan cukai tanah tahun pertama pada 6 Oktober 2004;

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENaan BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

- Hakmilik sementara (geran) telah diperolehi daripada Pejabat Daerah pada 7 Januari 2006;
- Pada 16 Januari 2007, Yayasan Selangor telah membenarkan ADC memasuki tanah untuk membuat kerja-kerja pembersihan bagi mengelakkan berlaku pencerobohan tanah dan kegiatan mencuri pasir;
- Pihak *Department of Civil Aviation* (DCA) telah memberi kelulusan penuh untuk beroperasi sebagai lapangan terbang berlandaskan rumput sehingga *tarmac asphalt* siap dibina bermula 13 November 2007;
- Pihak ADC telah memasang papan tanda “*Bernam River Airfield*”, memasang pagar baru di sekeliling ban berserta “gate” dan menurap jalan masuk dari jambatan hingga ke “gate”; dan
- Pihak pemaju telah menyiapkan *tarmac* landasan pada 6 Mei 2008. Beberapa buah chalet dan sebuah rumah kelab telah dibina bagi tujuan tempat istirahat dan riadah.

(3) Menurut Yayasan Selangor isu yang timbul dalam projek ini adalah pulangan dan cadangan pembangunan tidak mengikut jadual yang sepatutnya:

- Mengikut perjanjian yang ditandatangani pada 15 Ogos 2007, pihak ADC dikehendaki mengemukakan pelan “*final layout*” bagi kelulusan semua jabatan berkaitan “*airpark services department*” dalam tempoh 12 bulan dari tarikh perjanjian;
- Pihak ADC telah mengemukakan pelan tersebut kepada Yayasan Selangor tetapi masih tidak mendapatkan kelulusan jabatan-jabatan berkaitan;
- Pihak ADC dikehendaki membayar baki harga nilai tanah sebanyak RM1,292,947 kepada peguam pihak ADC sebagai “*stakeholder*” dalam tempoh 14 hari dari tarikh tamat tempoh

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

“*development grace period*” iaitu 12 bulan dari tarikh perjanjian; dan

- Pihak ADC gagal membayar jumlah tersebut hingga sekarang.

(4) Menurut Yayasan Selangor isu yang timbul dalam projek juga adalah pembangunan dilakukan sebelum kelulusan pembangunan dikeluarkan:

- Mulai 16 Januari 2007, pihak ADC telah memasuki tapak walaupun perjanjian masih belum ditandatangani. Kelulusan memasuki tapak adalah berdasarkan MoU dan bagi mengelakkan kegiatan mencuri pasir; dan
- Sejak tarikh tersebut ADC telah melaksanakan pembangunan awal di atas tanah tersebut walaupun belum mengemukakan pelan cadangan pembangunan sebenar dan kelulusan pembangunan masih belum diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.

(5) Yayasan Selangor juga telah membuat laporan bahawa terdapat aktiviti tidak bermoral dan menyalahi undang-undang di lokasi projek tersebut.

2.1.4 Maklumat dari Majlis Daerah Hulu Selangor

Fakta:

(1) Maklumat daripada wakil Majlis Daerah Hulu Selangor yang diterima oleh Jawatankuasa pada 5 Oktober 2011 adalah seperti berikut:

- Wakil ADC ada mengadakan perbincangan dengan Majlis Daerah Hulu Selangor berkenaan cadangan pembangunan “airpark” tetapi tidak pernah mengemukakan pelan merancang atau pelan menggunakan tapak tersebut.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

- Lesen perniagaan untuk menjalankan aktiviti di lokasi tersebut tidak pernah dikeluarkan oleh pihak Majlis Daerah Hulu Selangor.

(2) Maklumat tambahan daripada Majlis juga menyatakan bahawa tiada jabatan, termasuk PDRM dimaklumkan atau tahu berkenaan aktiviti "airpark" tersebut termasuk pendaratan kapal terbang-kapal terbang kecil di landasan "airpark" tersebut.

2.1.5 Penemuan Jawatankuasa:

- (1) Urusan pemberimilikan tanah kerajaan kepada Yayasan Selangor, perjanjian-perjanjian antara Yayasan Selangor dengan pemaju (ADC), pelanggaran syarat penggunaan tanah, memulakan pembinaan tanpa kelulusan pihak Majlis, menjalankan operasi penerbangan dan pendaratan sebagai landasan berasaskan rumput – semuanya berlaku pada masa pentadbiran kerajaan lalu;
- (2) Namun, landasan *tarmac asphalt* yang siap pada 6 Mei 2008 dan seterusnya beroperasi tanpa syarat-syarat sah sehingga ke hari ini adalah berlaku semasa pentadbiran kerajaan baru;
- (3) Sepanjang tempoh berlakunya pelanggaran dan beroperasinya landasan kapal terbang kecil tersebut tiada tindakan yang diambil oleh Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor dan juga Yayasan Selangor;
- (4) Kawasan seluas 217 ekar tersebut kini seolah-olah dikuasai, diselia dan dikawal sepenuhnya oleh ADC;
- (5) Berlaku beberapa aktiviti di tanah milik anak syarikat kerajaan tanpa pengetahuan dan kawalan daripada Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan;
- (6) Notis Borang 7A telah dikeluarkan kepada pihak Yayasan Selangor pada 24 Mei 2011 dengan meminta pihak Yayasan Selangor memulihkan tanah tersebut kepada keadaan kategorinya iaitu pertanian dan syaratnya tanaman dusun;

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

- (7) Yayasan Selangor telah memanggil dan cuba berunding dengan ADC tetapi pihak ADC enggan memberikan kerjasama; dan
- (8) Sebagai jalan penyelesaian Yayasan Selangor telah menyaman ADC dan membawa kes ini ke mahkamah.

2.1.6 Saranan Jawatankuasa

- (1) Kerajaan Negeri mewujudkan satu pasukan untuk menyemak dan meneliti perjanjian usaha sama yang ditandatangani pada 15 Ogos 2007 antara Yayasan Selangor dengan ADC agar sebarang amalan yang menyalahi peraturan dan etika dapat diperbetulkan dan individu-individu yang terlibat bagi pihak anak syarikat Kerajaan Negeri dapat dipertanggungjawabkan;
- (2) Kerajaan Negeri mewujudkan sebuah *task-force* bagi mengkaji secara mendalam kesesuaian penggunaan tanah seluas 217 ekar berdasarkan nilai, penggunaan tanah semasa serta unjuran penggunaan tanah masa hadapan berbanding syarat kelulusan asal bagi menjana hasil dan pulangan yang optimum kepada Kerajaan Negeri dan manfaat sebaiknya kepada rakyat Selangor;
- (3) Kerajaan Negeri memberi tumpuan khusus agar Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor dapat menyempurnakan proses dan langkah-langkah pemulihan tanah seluas 217 ekar tersebut kepada syarat asal atau pun memulakan proses pertukaran syarat melalui permohonan daripada Yayasan Selangor bergantung kepada tindakan (2) di atas; dan
- (4) Kerajaan Negeri memberi tumpuan khusus agar Majlis Daerah Hulu Selangor mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang diperuntukkan di bawah undang-undang bagi menghentikan operasi komersial tanpa kebenaran yang sah di lokasi tersebut.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

**2.2. PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN AGENSI, BADAN BERKANUN
DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS) BERKENAAN
KEM BINA SEMANGAT DAN KEM PROGRAM LATIHAN KHIDMAT
NEGARA (PLKN) DI AMPANG PECAH, KUALA KUBU BHARU**

2.2.1 Pendahuluan

(1) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP - ABAS) telah mengadakan lawatan ke lokasi pada 5 Oktober 2011 dengan bantuan pasukan-pasukan daripada Pejabat Daerah Hulu Selangor, Yayasan Selangor dan Majlis Daerah Hulu Selangor.

(2) Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut adalah:

- | | |
|--|-----------|
| i. Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii. Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz
(ADN Kawasan Lembah Jaya) | Ahli |
| iii. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| iv. Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay
(ADN Kawasan Bukit Melawati) | Ahli |

(3) Lawatan dimulakan pada pukul 3:30 petang di kedua-dua lokasi Kem Bina Semangat Ampang Pecah dan Kem PLKN di Ampang Pecah. Taklimat diberikan oleh pegawai-pegawai Yayasan Selangor di tapak. Lawatan berakhir pada pukul 4:30 petang.

2.2.2 Maklumat dari Yayasan Selangor

Fakta:

(1) Kebenaran membawa keluar pasir dari projek mengorek kolam kayak telah didapati daripada Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor di bawah kategori pembersihan; dan

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

(2) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekitar bulan Ogos – September 2011 ada memanggil kontraktor dan membuat siasatan terhadap beberapa projek pembinaan di Kem Bina Semangat dan Kem PLKN di Ampang Pecah.

2.2.3 Aduan dan Dakwaan yang Diterima oleh Jawatankuasa:

(1) Aduan dan dakwaan yang diterima oleh Jawatankuasa pada 10 Februari 2011 berkenaan projek-projek pembinaan di Kem Bina Semangat dan Kem PLKN di Ampang Pecah adalah seperti berikut:

Tender Sebut Harga	Bidang Kerja Pembekalan	Harga Tawaran (RM)	Status Pembayaran (RM)
YS/B&P/S H 22/2010	Kerja-kerja penurapan semula padang kawad, laluan pejalan kaki dan kerja-kerja berkaitan di Kem Bina Semangat Ampang Pecah.	216,175	205,366.25 Baki 10,808.75 Didakwa sebagai kecil tidak ikut saiz asal – ukur lain buat lain – hanya korek dan tampal
YS/B&P/S H 25/2010	Kerja-kerja pembinaan pagar baru bagi tambahan kemudahan di Kem PLKN Ampang Pecah Kuala Kubu Baru.	86,840	86,840.00 Baki 0.00 Didakwa hanya kira-kira 150 kaki saja
YS/B&P/S H 26/2010	Kerja-kerja naik taraf dua (2) unit tandas (lelaki/wanita) untuk dijadikan rumah rehat jurulatih bagi tambahan kemudahan di Kem PLKN Ampang Pecah.	286,265	279,108.38 Baki 7,156.62 Didakwa saiz hanya

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

			10'x20', tandas lama dipecah dijadikan bilik rehat pasang tile — termasuk kerja rentang kabel
YS/B&P/S H 27/2010	Kerja-kerja naik taraf surau bagi tambahan kemudahan di Kem PLKN Ampang Pecah.	329,690	205,520.70 Baki 124,169.30 Aduan: surau dah ada hanya ganti siling, ganti pendawaian dan tile baru — pasang lampu dan kipas
YS/B&P/S H 28/2010	Kerja-kerja pembinaan baru satu (1) unit bangunan logistik (stor) bagi tambahan kemudahan di Kem PLKN Ampang Pecah.	443,028	327,066.80 Baki 115,961.20 Aduan: saiz kecil hanya 20'x60' — kosong saja
YS/B&P/S H 29/2010	Kerja-kerja pembinaan baru satu (1) unit pusat rawatan (klinik) bagi tambahan kemudahan di Kem PLKN Ampang Pecah.	356,371	173,688.23 Baki 182,682.77 Aduan: bina baru tetapi umpama rumah PPRT — kosong; hanya

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

			pendawaian, tile dan paip
YS/B&P/S H 30/2010	Kerja-kerja membina pentas tabik hormat dan menaik taraf surau di Kem Bina Semangat Ampang Pecah.	265,363	218,162.93 Baki 47,200.07 Aduan: baru tapi saiz hanya 10'x12' tidak ada pendawaian
YS/B&P/S H 31/2010	Kerja-kerja menaiktaraf padang permainan <i>volleyball</i> dan sepak takraw di Kem Bina Semangat Ampang Pecah.	234,191.83	234,191.83 Baki 70,236.71
YS/B&P/S H 33/2010	Cadangan membina baru pintu gerbang dan kerja-kerja berkaitan serta membekal perabut dewan makan di Kem Bina Semangat di Ampang Pecah.	257,834	0.00
YS/B&P/S H 34/2010	Cadangan menaik taraf dewan makan dan kerja-kerja berkaitan di Kem Bina Semangat, Ampang Pecah.	426,711	0.00 Aduan: hanya ganti tile; buka dinding dan kerja baikpulih
YS/B&P/T 01/2010	Membina dan menyiapkan kolam serta kerja-kerja berkaitan di Kem Bina Semangat Ampang Pecah.	2,709,903	153,675 Baki 2,556,228 Aduan: korek pasir jual kepada siapa – lesen bawa keluar dan jual dari

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

			siapa? Kolam berlantai pasir; konkrit dinding kolam saja – harga tak munasabah
YS/B&P/T 02/2010	Multi Purpose Hall, cadangan membina dan menyiapkan tambahan kemudahan Kem PLKN.	1,326,234	0.00 Aduan: hanya baik pulih dewan– sistem PA baru harga RM100 ribu, teknikal RM240 ribu; pentas & karpet baru RM140 ribu

(2) Keseluruhan projek adalah didakwa berjumlah RM6,938,605.83.

2.2.4 Penemuan Jawatankuasa:

- (1) Jawatankuasa tidak memiliki kemahiran untuk menilai harga projek pembinaan sebenar seperti dalam aduan dan dakwaan; dan
- (2) Jawatankuasa telah meninjau projek-projek tersebut dan berpendapat aduan dan dakwaan yang diterima mungkin mempunyai asas yang boleh diambil perhatian.

2.2.5 Saranan Jawatankuasa

- (1) Kerajaan Negeri menghantar pasukan audit bagi menyemak dan menyiasat semula harga, tawaran harga, nilai projek, terma bayaran dan spesifikasi bagi setiap projek seperti dalam aduan dan dakwaan di atas;

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS

- (2) Hasil daripada siasat audit, sekiranya terdapat salah laku dan penyelewengan, Kerajaan Negeri hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak yang berkenaan bagi mengelakkan berulang lagi salah laku tersebut; dan
- (3) Kerajaan Negeri hendaklah mengeluarkan satu kertas putih membersihkan nama baik Kerajaan Negeri dan Yayasan Selangor sekiranya siasatan audit tidak mendapati sebarang amalan salah laku dan penyelewangan seperti yang didakwa.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

**2.3. PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN AGENSI, BADAN BERKANUN
DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP - ABAS) BERKENAAN
KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG**

2.3.1 Pendahuluan

(1) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP - ABAS) telah mengadakan lawatan ke lokasi pada 12 Oktober 2011 dengan bantuan pasukan-pasukan daripada Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dan SAP Properties Sdn Bhd.

(2) Hadir dalam lawatan tersebut adalah:

- | | |
|--|-----------|
| i. Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii. Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz
(ADN Kawasan Lembah Jaya) | Ahli |
| iii. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |

(3) Lawatan bermula dengan taklimat yang disampaikan oleh Tuan Pegawai Daerah dan Tanah Gombak di bilik mesyuarat Pejabat Daerah dan Tanah Gombak pada pukul 11:00 pagi. Seterusnya ahli-ahli Jawatankuasa dibawa ke lokasi dan membuat lawatan ke lokasi sehingga pukul 12:30 petang.

(4) Lawatan Jawatankuasa adalah selaras dengan usul yang telah dibentang dan diluluskan di Dewan Negeri Selangor pada bulan November 2010.

(5) Usul tersebut berbunyi:

“Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap satu perintah mahkamah yang melarang diteruskan operasi kuari di kawasan tanah milik Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) di Bandar Baru Selayang tetapi kerja-kerja kuari masih aktif dijalankan secara haram.

Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan satu badan bebas di bawah Kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke Sidang Dewan Negeri.”

2.3.2 Maklumat dari Pejabat Daerah dan Tanah Gombak

Fakta:

(1) Maklumat dari Pejabat Daerah dan Tanah Gombak yang diterima oleh Jawatankuasa pada 12 Oktober 2011 menyatakan butiran hakmilik tanah seperti berikut:

- Taraf tanah hakmilik No. PN 89881 Lot 72916 (melalui pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri Selangor di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965);
- Hakmilik telah didaftarkan pada 26 Januari 1991 atas nama Shah Alam Properties Sdn Bhd (SAP);
- Tempoh pajakan 99 tahun (pajakan akan berakhir pada 25 Jun 2090);
- Keluasan keseluruhan adalah 94.76 hektar (234.16 ekar);
- Kategori adalah Bangunan;
- Syarat-syarat nyata adalah bagi pembinaan bangunan-bangunan mengikut JPBD Negeri Selangor;
- Lokasi tanah adalah di Bandar Baru Selayang, Mukim Batu, Daerah Gombak;

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENaan BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

- *Zoning* kegunaan tanah terkini adalah sebagai Zon Perindustrian (warta Rancangan (RT) Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bertarikh 20 Januari 2011. *Zoning* terdahulu adalah "perumahan" di bawah Rancangan Struktur, MPS);
- Cukai tanah 2011 belum dibayar adalah RM292,714.00;
- Jumlah tunggakan cukai tanah 2011 termasuk denda lewat RM20,490 adalah berjumlah RM313,204.00; dan
- Jumlah cukai tanah yang telah dibayar oleh SAP sejak tanah mula diberi milik pada tahun 1991 sehingga 2010 adalah RM8,987,829.20 (RM8.99 juta).

(2) Maklumat dari Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor yang diterima oleh Jawatankuasa pada 12 Oktober 2011 menyatakan kronologi pelanggaran syarat dan tindakan oleh Pentadbir Tanah Gombak adalah seperti berikut:

- Dari 21 Oktober 2010 dan 2 November 2010 – Sepanjang tahun 2010, sebanyak dua (2) buah lori berjaya ditahan dan kemudiannya dirampas kerana gagal menunjukkan kupon/permit mengeluarkan bahan batuan yang sah;
- Pada 25 Mei 2011 – Pentadbir Tanah Gombak mengemukakan Notis 7A (Notis Untuk Memulihkan Pelanggaran Syarat) di bawah Seksyen 128 KTN 1965 kepada pemilik tanah Shah Alam Properties Sdn Bhd (SAP) kerana "**Belum mendirikan bangunan seperti yang disyaratkan di dalam syarat tersirat di atas kategori Bangunan (Seksyen 116(1)(a)) KTN 1965 dan menjalankan operasi kuari tanpa permit yang sah**";
- Pada 13 Jun 2011 – Pentadbir Tanah Gombak mengemukakan Notis 7B (Notis Supaya Menunjukkan Sebab) di bawah Seksyen 129 KTN kepada pemilik tanah (SAP), susulan daripada kegalannya mematuhi dan melaksanakan perintah Notis 7A (Notis Untuk Memulihkan Pelanggaran Syarat);

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERUTUP TANAH MILIK PKPS**

- Pada 17 Jun 2011 – Siasatan Peringkat Pertama telah dihadiri:
 - 3 orang wakil pemilik tanah (SAP);
 - 3 orang wakil AMBank/Peguam Albar & Partners bagi pihak AmBank Bhd;
 - 1 orang wakil Majlis Perbandaran Selayang (MPS); dan
 - 1 orang wakil Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD);
- Pada 8 Julai 2011 – Siasatan Peringkat Kedua telah dihadiri:
 - 3 orang wakil pemilik tanah (SAP);
 - 2 orang wakil AmBank/Peguam Albar & Partners bagi pihak AmBank Bhd;
 - 3 orang wakil Cergas Tegas (Firma Dennis, Nik & Wong) ; dan
 - 1 orang wakil Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD).
- Pada 24 Ogos 2011 – Keputusan dasar MMKN mempertimbangkan tindakan Pentadbir Tanah Gombak melaksanakan kuasanya dengan tindakan Pelucutahan Tanah Milik PN 89881 Lot 72916 menjadikan statusnya tanah milik Kerajaan Negeri Selangor melalui Notis 8A (Notis Perkembalian Tanah Kepada Kerajaan, Seksyen 130 KTN 1965);
- Pada 25 Ogos 2011 – Notis 8A (Notis Perkembalian Tanah Kepada Kerajaan) telah disampaikan kepada pemilik tanah (SAP) serta pihak-pihak yang berkepentingan; dan
- Pada 4 Oktober 2011 – Salinan Notis 8A telah dikemukakan kepada Percetakan Nasional untuk tujuan pewartaan.

2.3.3 Penemuan Jawatankuasa:

- (1) Pintu masuk ke kawasan telah dikawal dan dikuasai semula oleh pihak SAP sebagai pemilik tanah;
- (2) Tiada kerja-kerja melombong batuan, memproses batuan ataupun membawa keluar hasil batuan dijalankan di lokasi;
- (3) Mesin memproses batuan, jentera, jentolak dan lori serta peralatan yang masih boleh digunakan masih berada di dalam kawasan tapak;
- (4) Pihak Kerajaan telah bertindak baik terhadap usul yang telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor;
- (5) Proses pemulihan penggunaan tanah telah dijalankan secara teratur oleh Pejabat Daerah dan tanah Gombak;
- (6) Proses perkembalian tanah kepada Kerajaan telah dijalankan dengan teratur dengan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak menyampaikan Notis 8A kepada pemilik tanah (SAP) serta pihak-pihak yang berkepentingan; dan
- (7) Salinan Notis 8A telah dikemukakan pada 4 Oktober 2011 kepada Percetakan Nasional untuk tujuan pewartaan.

2.3.4 Saranan Jawatankuasa

- (1) Kerajaan Negeri mewujudkan satu pasukan untuk menyemak dan meneliti perjanjian usaha sama yang ditandatangani antara SAP (pemilik tanah) dengan Cergas Tegas Sdn Bhd (pemaju) agar sebarang amalan yang menyalahi peraturan dan etika dapat diperbetulkan dan individu-individu yang terlibat bagi pihak anak syarikat Kerajaan Negeri dapat dipertanggungjawabkan;
- (2) Kerajaan Negeri mewujudkan sebuah *task-force* bagi mengkaji secara mendalam kesesuaian penggunaan tanah seluas 234.16 ekar berdasarkan nilai, penggunaan tanah semasa serta unjuran penggunaan tanah masa hadapan berbanding syarat kelulusan asal bagi menjana hasil dan pulangan yang optimum kepada

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

Kerajaan Negeri dan manfaat sebaiknya kepada rakyat Selangor;
dan

- (3) Mengambil tindakan pantas dan berkesan bagi melaksanakan hasil kajian daripada perkara (2) di atas setelah proses perkembalian tanah kepada Kerajaan selesai diwartakan.

2.3.5 Pujian dan Penghargaan

- (1) Dengan ini Dewan yang mulia ini merakamkan pujian dan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Negeri umumnya dan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak khasnya kerana telah bertindak secara teratur dan berkesan dalam melaksanakan usul yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

**2.4. PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN AGENSI, BADAN BERKANUN
DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP - ABAS) BERKENAAN
TANAH MILIK PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR
(PKPS)**

2.4.1 Pendahuluan

(1) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP - ABAS) telah mengadakan satu sesi taklimat dan pendengaran tertutup pada 17 Oktober 2011 di Bilik Mesyuarat Dewan, Bangunan Annex.

(2) Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut adalah:

- | | |
|--|-----------|
| i. Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii. Y.B. Tuan Lau Weng San
Ahli(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| iii. Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz
(ADN Kawasan Lembah Jaya) | Ahli |
| iv. Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay
(ADN Kawasan Bukit Melawati) | Ahli |

Turut hadir:

- | |
|---|
| i. Puan Siti Noorliza Binti Md Salleh
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri |
| ii. Encik Nazmir Bin Mohd. Nazar
Ketua Penolong Bendahari Negeri |
| iii. Puan Siti Hawa Binti Jantan
Penolong Juruaudit |
| iv. Puan Nor Hidayah Mhd. Khatif
Penolong Juruaudit |

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

Urus Setia

- | | | |
|------|--|------------------------|
| i. | Encik Suliman Bin Abdul Rahman
Setiausaha (Dewan/MMKN) | Setiausaha |
| ii. | Puan Noor Asdiana Binti Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha (Dewan) | Penolong
Setiausaha |
| iii. | Puan Noor Diana Bt Razali
Penolong Setiausaha (Dewan) | |
| iv. | Cik Noor Syazwani Bt Abd Hamid
Setiausaha Pejabat (Dewan) | |

(3) Notis panggilan mesyuarat dikeluarkan oleh Pejabat Dewan Negeri Selangor pada 29 September 2011 memohon pihak PKPS memberi penjelasan terperinci berhubung perkara-perkara berikut:

- i. Status terkini 4,000 ekar tanah di Tanjung Karang dan 200 ekar tanah di Hulu Bernam; dan
- ii. Keseluruhan tanah-tanah yang lain di seluruh Selangor yang dikelolakan di bawah PKPS

2.4.2 Maklumat dari Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)

Fakta:

(1) PKPS mempunyai tanah hakmilik di seluruh Negeri Selangor dan hutan simpan bersyarat pertanian:

- Tanah Hakmilik (7,015 hektar); dan
- Hutan Simpan (6,800 hektar)
 - i) Hutan Simpan Rantau Panjang (1,800 hektar)
 - ii) Hutan Simpan Bukit Tarek (5,000 hektar)

(2) PKPS usahakan tanah mengikut beberapa kategori tanah:

- Projek Perladangan;
- Projek Akuakultur;

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERUTUP TANAH MILIK PKPS**

- Projek Konsesi/Usahasama;
- Projek Pengeluaran Pasir; dan
- Projek Pengeluaran Tanah Liat

(3) PKPS memiliki beberapa aset bangunan:

- 6 bangunan di Daerah Klang dan disewakan;
- 6 bangunan di Daerah Petaling dan disewakan;
- 2 bangunan di Daerah Kuala Selangor; dan
- 20 unit Apartment Putra Permai, Taman Equine yang telah dijual

(4) Daripada projek pertanian yang dijalankan:

- usahakan sendiri;
- sewaan; dan
- usaha sama dengan anak syarikat Kerajaan Negeri/syarikat luar.

(5) Tanah-tanah yang diusahakan sendiri

i. Pembangunan tanah kosong untuk kelapa sawit

Ladang	Tahun Dimiliki	Keluasan (Hektar)	Cukai Tanah/Tahun (RM)	Kadar Cukai (RM/Ha)
Sg. Panjang	1998	700	25,711	24.43
Jagoharmani	2001	60	16,133	268.88
Irat	2001	55	49,687	49.42
Tanjong 12	2006	105	3,397	32.35
Editas	1998	110	172,245	150
Ulu Yam	2005	81	5,423	67.57
JUMLAH		1,111 (23%)	272,596	592.65

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

Ulasan:

- tanah kosong yang dahulunya terbiar tidak memberikan hasil;
- PKPS telah membayar cukai tanah sebanyak RM539,770 (tidak termasuk “opportunity loss” - 13 tahun);
- pada 2011 seluas 1,111 hektar tanah kosong (23% keluasan tanah) telah ditanam kelapa sawit; dan
- hasil dijangka perolehi bermula pada tahun 2015.

ii. Tanaman bukan kelapa sawit

Tanaman	Keluasan (Ha)
Tebu	13
Nenas	61
Ubi Kayu	45
Buah-buahan Tropika	607
Ladang Getah Balak	300
Jumlah	1,026

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENaan BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

(6) Tanah-tanah yang diusahakan oleh anak syarikat PKPS

Bil	Lokasi	Luas (Ha)	Anak Syarikat	Aktiviti
1	PT49053, HS(D) 138917, Mukim Petaling.	21	PKPS Agro Industries Sdn Bhd	Pasar Borong
2	PT 13819,HS(D) 17464, Mukim Serendah	43	PKPS Farmart Sdn Bhd	Ternakan Ikan Talapia
3	PT 23500,HS(D) 36511, Mukim Rawang.	12	PKPS Bukit Tinggi Fishfarm Sdn Bhd	Pembenihan Anak Ikan
4	PT 21,HS(D) 107788, Mukim Bandar Shah Alam.	0.20	POLENS	Pengilangan produk-produk herba
5	Hutan Simpan Rantau Panjang.	607	Selangor Oil Palm Industries Corporation	Ladang Buah-Buahan
6	PT 1448, HS(D) 546, Mukim Sg. Panjang.	30	PKPS Livestock Farm	Penternakan Lembu & Ayam

(7) Sewaan dan pajakan

Bil	Lokasi	Luas (Ha)	Pemajak/ Penyewa	Tempoh Pajakan	Kadar Pajakan (RM/tahun)	Projek
1	PT 1798, HS(D) 119396, Mukim Hulu Langat.	8	Highland Dairies	3/9/2007 - 3/9/2027 (20 tahun)	4,880 (RM 48.87/ha/bln)	Ternakan Ikan

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

2	PT 1799, HS(D) 119397, Mukim Hulu Langat.	49	i. Padu Pantas Sdn Bhd (6.98 ha) ii. Aliran Sutera Sdn Bhd (8.81 ha)	11/1/2008 - 11/1/2018 (10 tahun)	5,224.80 (RM62.38 /ha/bln) 4,140 (RM39.16 /ha/bln)	Ternakan Ikan Ternakan Ikan
3	PT 1797, HS(D) 119395, Mukim Hulu Langat.	23	Brightmark Sdn Bhd (16.81 ha)	13/6/2007 - 13/6/2012 (5 tahun)	9,600 (RM49/ha /bln)	Tanaman Bunga-Bungaan
4	Lot 8993, PN 31938, Mukim Batang Kali.	82	Malaysian Botanical Garden Resort Sdn Bhd	13/10/2003 - 13/10/2063 (60 tahun)	12,000 (RM12.23 /ha/bln)	Taman Botani
5	PT 35895, HS(D) 25123, Mukim Petaling.	0.02	LTL Plumbing Sdn Bhd	1/6/2011 - 31/5/2104 (3 tahun)	24,000 (RM2,000 /bln)	Perniagaan
6	PT 15, Mukim Bandar Shah Alam.	0.61	Warisan Desa Enterprise	1/8/2011 - 31/7/2014 (3 tahun)	93,600 (RM 7,800/bln)	Asrama Pelajar
7	PT 3714, HS(D) 162, Mukim Api-Api.	0.85	Al- Muqarram Sdn Bhd	4/4/2009 - 31/6/2012 (3 tahun)	9,600 (RM800/ bln)	Kilang Memproses serai wangi
8	PT 21860, HS(D) 37133, Mukim Kapar.	0.07	Bentraco Sdn Bhd	1/6/2010 - 31/5/2013 (3 tahun)	15,600 (RM1,300 /bln)	Perniagaan

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

(8) Tanah-tanah diusahakan secara usaha sama

Bil.	Lokasi	Luas (Ha)	Usaha sama	Projek
1	PT 12189, HS(M) 7281, Mukim Sungai Buloh.	4	PKNS.	Pembangunan Perumahan.
2	PT 24580, HS(D) 24201 dan PT 28751, HS(D) 26427, Mukim Tanjung Dua Belas.	88	Tujuan Murni Sdn Bhd.	Pusat Latihan & Jentera Berat.
3	Lot 2506, PN 22312, Mukim Ulu Tinggi.	342	Unisil Mineral (M) Sdn Bhd.	Pengeluaran Tanah Liat (<i>Ball clay</i>).
4	PT 24578, HS(D) 24199, Mukim Tanjung Dua Belas dan PT 28750, HS(D) 26426, Mukim Tanjung Dua Belas.	49	Kumpulan Semesta Sdn Bhd.	Pengeluaran pasir.
5	PT 610, HS(D) 5396, Mukim Ulu Tinggi.	41	Kumpulan Semesta Sdn Bhd.	Pengeluaran pasir.
	JUMLAH	524		

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

(9) Tanah kosong yang akan dibangunkan tahun 2012

Bil.	Lokasi	Luas (Ha)	Projek
1	PT 10182, HS(D) 41203, Mukim Batang Kali.	81	Ladang Getah Balak.
2	PT 610, HS(D) 5396, Mukim Ulu Tinggi.	404.88	Ladang Kelapa Sawit.
3	PT 1358, HS(D) 588, Mukim Sungai Panjang.	200	Ladang Kelapa Sawit.
JUMLAH		685.88	

Bil.	Projek	Keluasan (Ha) Projek Sedia Ada	Keluasan (Ha) Projek Bajet 2012	Jumlah Keluasan (Ha)
1	Perladangan	4784.32	685.88	5470.2
2	Ternakan	72	-	72
3	Akuakultur	477.36	11.28	488.64
4	Usahasama	520	4.04	524.04
5	Bangunan dan lain-lain	415	-	415
	Jumlah Keseluruhan	6268.68	701.2	6969.88 (99.36%)

- Jumlah keluasan tanah yang telah diusahakan adalah 6,969.88 hektar (99.36%); dan
- Tanah kosong sebanyak 45.12 hektar (0.64%) yang masih belum dibangunkan .

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM-BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

(10) Status tanah 4,000 ekar di Tanjung Karang.

- i. PKPS tidak mempunyai sebanyak 4000 ekar tanah di Mukim Ulu Tinggi berhampiran UNISEL tetapi hanya mempunyai 870 ekar sahaja. Manakala yang selebihnya adalah tanah-tanah KDEB. Hampir keseluruhan kawasan tersebut telah diterokai oleh pengusaha-pengusaha luar dengan pelbagai tanaman terutamanya kelapa sawit.

(11) Status tanah seluas 200 ekar di Hulu Bernam.

- i. PKPS akan membekalkan kepada Jawatankuasa penerangan bertulis secara terperinci berkenaan dengan 48 pengusaha yang tidak tahu menahu bahawa tanah yang diusahakan akan dijual. Turut dimaklumkan juga hanya pemajak yang sedia ada telah mendapat tender tersebut.

2.4.3 Penemuan Jawatankuasa:

- (1) Perubahan di peringkat Lembaga dan Pengurusan PKPS pada tahun 2008 menyaksikan PKPS lebih fokus dalam mengusahakan tanah-tanah kosong yang sedia ada;
- (2) Pada tahun 2011, PKPS telah membangunkan tanah-tanah kosong seluas 1,111 hektar dengan tanaman kelapa sawit;
- (3) Sehingga kini tanah-tanah yang telah disewa dan dipajak merupakan tanah-tanah yang telah diadakan perjanjian sebelum tahun 2008;
- (4) Selepas tahun 2008, belum ada lagi tanah-tanah baru milik PKPS yang disewa atau dipajak;
- (5) Sehingga kini jumlah kluasan tanah yang telah diusahakan adalah 6,969.88 hektar (99.36%) manakala hanya sebanyak 45.12 hektar (0.64%) tanah kosong yang masih belum dibangunkan; dan

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ABAS BERKENAAN BERNAM RIVER, KEM BINA SEMANGAT DAN
KEM PLKN DI AMPANG PECAH, KUARI HARAM DI BANDAR BARU SELAYANG DAN PENDENGARAN
TERTUTUP TANAH MILIK PKPS**

- (6) Terdapat sedikit kekaburuan tentang urusan PKPS dengan 48 pengusaha yang tidak tahu menahu bahawa tanah seluas 200 ekar di Hulu Bernam yang diusahakan oleh mereka akan dijual.

2.4.4 Saranan Jawatankuasa

- (1) Kerajaan Negeri mewujudkan sistem dan pasukan audit khas bagi memantau penggunaan tanah di bawah PKPS agar ianya diurus dan diusahakan secara berkesan dan cekap;
- (2) Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah perlu bagi mengusahakan baki 45.12 hektar (0.64%) tanah kosong yang masih belum dibangunkan; dan
- (3) Kerajaan Negeri menyiasat kekaburuan tentang urusan PKPS dengan 48 pengusaha yang tidak tahu menahu bahawa tanah seluas 200 ekar di Hulu Bernam yang mereka telah usahakan akan dijual.

2.4.5 Pujian dan Penghargaan

- (1) Dengan ini Dewan yang mulia ini merakamkan pujian dan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Negeri yang telah menerajui PKPS untuk mengurus dan mengusahakan tanah-tanah yang diberi milikan kepada PKPS dengan teratur, kemas, cekap dan berkesan.

Penyata ini dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi dibentangkan sebagai makluman kepada Dewan yang mulia ini.



HAJI SAARI BIN SUNGIB

Pengerusi,
Jawatankuasa Pilihan Mengenai
Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri
(JP-ABAS)

Bertarikh pada 1 November 2011 di Shah Alam